

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM [ JULAU ]**

**TARIKH : 26.3.2015**

**SOALAN :**

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [ Julau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Kementerian untuk bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam membekalkan ameniti asas seperti air bersih dan elektrik kepada sekolah dan juga komuniti berhampiran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada dasarnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memang sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan juga Kementerian-kementerian lain dalam membekalkan ameniti asas seperti air bersih dan elektrik kepada sekolah dan juga komuniti lain yang berhampiran demi kemudahan dan keselesaan semua. Sebagai contohnya, KPM telah pun bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dengan memberikan penggunaan elektrik melalui *solar hibrid* kepada beberapa Klinik Kesihatan yang berhampiran dengan sekolah.